

MAHATHIR-PELAJARAN

1977  
JITRA, 1 MEI (BERNAMA)-- DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYEBUT TENTANG PERLUNYA USAHA YANG TERATUR DAN BERSUNGGUH-SUNGGUH DALAM PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN DASAR-DASAR DAN PROGRAM PELAJARAN SERTA LATIHAN.

KATANYA, KERAJAAN MENGANGGAP PELAJARAN DAN LATIHAN ITU SEBAGAI SATU ALAT PENTING UNTUK MENCAPAI TUJUAN UTAMA NEGARA IAITU PENYATUAN DAN PERPADUAN.

JIKA RAKYAT BERPECAHBELAH DAN TIDAK BERSATUPADA MAKA ROSES PEMBANGUNAN DAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN UNTUK RAKYAT MENINGGIKAN TARAF HIDUP MEREKA AKAN MENJADI SUKAR, KAANYA.

BERUCAP MERASMIKAN SEKOLAH RENDAH SULTAN AHMAD TAJUDDIN DI SINI, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, BAHASA MALAYSIA MERUPAKAN SATU DARI UNSUR DALAM USAHA MENGGALAKKAN PENYATUAN DAN PERPADUAN NEGARA-MENERUSI PENGGUNAANNYA SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT SEBAGAI BAHASA PENGANTAR UTAMA DI SEMUA PERINGKAT PENGAJIAN.

— BERSAMBUNG 1655/1B

MAHATHIR-PELAJARAN 2 JITRA

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA, MENGIKUT RANCANGAN YANG SEDANG BERJALAN, MENJLEANG TAHUN 1980 BAHASA MALAYSIA AKAN MENJADI BAHASA PENGANTAR UTAMA DI SEMUA SEKOLAH MENENGAH BANTUAN KERAJAAN.

BAGAIMANAPUN BAHASA INGGERIS YANG DIAJAR SEBAGAI BAHASA KEDUA ADALAH PENTING KERANA ILMU SAINS DAN TEKNOLOGI DUNIA MASIH TERLALU BANYAK DITULIS DALAM BAHASA ITU.

TAMBAHNYA, KERAJAAN JUGA SEDAR BAHAWA PELUANG-PELUANG PELAJARAN MESTILAH LUAS TERSEBAR KE SELURUH PELUSUK NEGARA, TERUTAMA DI KAWASAN-KAWASAN PEDALAMAN DAN LUARBANDAR.

DENGAN ITU BANYAK KEMUDAHAN PELAJARAN TELAH DIADAKAN DI KAWASAN-KAWASAN TERSEBUT, DAN JIKA DIBANDINGKAN DENGAN MASA SEBELUM MERDEKA SEGALA KEMUDAHAN PELAJARAN YANG ADA SEKARANG AMATLAH MENKAGUMKAN. -- BERSAMBUNG 1700/1B

CC

B566:

MAHATHIR-PELAJARAN JITRA

KERAJAAN, KATANYA, BUKAN SAHAJA MENGADAKAN BILIK-BILIK DARJAH DAN SEKOLAH-SEKOLAH BARU TETAPI TERMASUK JUGA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN SEPERTI PINJAMAN PERCUMA BUKU TEKS KEPADA YANG KURANG MAMPU.

INI SEMUA DAPAT DILAHAT DENGAN JELAS DAN IA MEMBUKTIKAN BAHAWA KERAJAAN MENGAMBIL BERAT TENTANG KEMAJUAN RAKYAT DI SEMUA PERINGKAT HIDUP SUPAYA SAMA-SAMA DAPAT MENIKMATI KEKAYAAN NEGARA, DAN DENGAN DEMIKIAN MASYUARAKAT YANG LEBIH ADIL DAN BERSATU PADU DAPAT UJUD DENGAN LEBIBCEPAT, + KATANYA.

MENURUT DR. MAHATHIR, BANYAKLAGI USAHA KERAJAAN UNTUK MENINGKATKAN MUTU PELAJARAN DI NEGARA INI.

DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BEBERAPA LANGKAH SEDANG DIAMBIL BAGI MENYESUAIKAN SISTEM PELAJARAN DAN LATIHAN UNTUK MENAMPUNG KEPERLUAN TENAGA RAKYAT.

MATAPELAJARAN-MATAPELAJARAN SAINS DAN ILMU DI MATHEMATIKS PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH RENDAH SEDANG DIPERKUKUKAN DAN DISEDIAKAN JUGA LEBIH BANYAK ALAT-ALAT MENGAJAR SERTA GURU-GURU SAINS DAN ILMU MATHEMATIKS YANG TERLATIH.

TEGASNYA, BILANGAN PENUNTUT DALAM BIDANG SAINS, TEKNIKAL DAN VOKESIONAL DI PERINGKAT MENENGAH ATAS JUGA AKANDITAMBAH DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA INI. -- BERSAMBUNG 170 /1B

22

B567:

MAHATHIR-PELAJARAN 4 JITRA

DALAM USAHA KERAJAAN MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN SEPERTI DI BIDANG PELAJARAN DAN LATIHAN, SOKONGAN DAN PENYERTAAN IBUBAPA DAN MASYARAKAT SECARA BERSUNGGUH-SUNGGUH ADALAH DIPERLUKAN.

SEKOLAH-SEKOLAH MEMPUNYAI MASALAH TERSEDIRI SEPERTI BILANGAN MURID TERLALU RAMAI DALAM SATU-SATU KELAS, KEKURANGAN GURU-GURU TERLATIH, KELEMAHAN MURID DALAM PELAJARAN DAN KEKURANGAN GALAKAN SERTA ALAT-ALAT PELAJARAN DARI MURID-MURID YANG KURANG MAMPU.

MASALAH-MASALAH TERSEBUT ADALAH SAMA DI KEBANYAKAN SEKOLAH. SETENGAH DARINYA BOLEH DISELESAIKAN OLEH IBUBAPA SENDIRI ATAU OLEH PIHAK SEKOLAH, DAN SETENGAH DARINYA OLEH KEMENTERIAN PELAJARAN.

BAGAIMANAPUN KEMENTERIAN PELAJARAN PADA MASA INI TIDAK DAPAT MENGECILKAN BILANGAN MAKSIMA MURID-MURID SATU-SATU KULIAH ATAU PUN MENAIKKAN KADAR BILANGAN GURU DI SEKOLAH MENGIKUT BILANGAN KELAS.

JIKA INI DILAKUKANDENGAN SERTA-MERTA KITA AKAN MENGHADAPI BERIBU-RIBU KEKURANGAN GURU DAN BILIKDRJAH, + KATANYA.

SEKARANG INI PUN KITA KEKURANGAN GURU TERLATIH DAN SEBARANG USAHA SEDANG DIJALANKAN UNTUK MENINGKATKAN BILANGAN GURU TERLATIH TIAP-TIAP TAHUN. -- BERNAMA 1710/1B